

13 DEC 1997

DR MAHATHIR GESA AGAR NEGARA ASEAN TINGKATKAN PERDAGANGAN

PETALING JAYA, 13 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan supaya negara-negara anggota Asean meningkatkan perdagangan di kalangan mereka bagi membantu mengurangkan kesan kejatuhan nilai mata wang dan memendekkan tempoh pemulihan ekonomi.

"Saya benar-benar yakin bahawa penurunan nilai mata wang kita boleh mempermudah perdagangan antara kita," kata Perdana Menteri ketika merasmikan persidangan "penghormatan sektor swasta kepada Asean" di sini hari ini.

Beliau berkata demikian dalam ucap utama bertajuk "Masa Depan Asean" pada persidangan empat hari itu. Ia diadakan di Sunway Lagoon Resort Hotel di sini sempena ulang tahun ke-30 Asean dan sempena Sidang Kemuncak Tidak Formal Asean yang kedua di Kuala Lumpur dari 14 hingga 16 Dis.

Ia anjuran bersama Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) dan Brooker Group Limited.

Dr Mahathir berkata banyak produk yang negara-negara Asean tidak dapat membeli antara satu sama lain dahulu menjadi kompetitif sekarang "jika kita mengekalkan kadar pertukaran baru dan harga barangan mengikut pasaran dalam negara."

Perdana Menteri berkata dengan mengambil kesempatan daripada penurunan nilai mata wang di rantau ini, negara-negara Asean sebenarnya boleh meningkatkan perdagangan antara satu sama lain tanpa mengeneipkan negara lain.

"Melalui cara itu, kita dapat membantu ekonomi antara satu sama lain untuk pulih dan diharap berkembang," kata Dr Mahathir.

"Apabila kita kaya semula dan mampu menggunakan barangan import dan mewah dari luar Asean, kita harus berbuat demikian. Sesungguhnya, kita membantu memulihkan perdagangan dunia dengan bekerja keras untuk membolehkan ekonomi pulih lebih cepat," kata beliau.

Dr Mahathir berkata oleh kerana semua mata wang negara Asean telah menurun ke paras yang hampir sama, kadar pertukaran antara mereka tidak banyak berubah.

"Oleh itu, kita boleh meneruskan perdagangan antara satu sama lain seperti dahulu. Sesungguhnya, kita boleh meningkatkan perdagangan jika sumber-sumber serantau kita mengekalkan daya saing ini. Terpulanglah kepada kita untuk berbuat demikian," tegas beliau.

Dalam hubungan ini, Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) boleh dikaji semula bagi mempercepat dan memperluaskannya, menurut Dr Mahathir.

"Jika Afta dianggap berkesan semasa zaman kemakmuran, tidak bolehkah ia berkesan atau lebih baik semasa mengalami kesulitan? Banyak yang bergantung kepada kebijaksanaan kita dan semangat perpaduan Asean bagi membantu antara satu sama lain," kata beliau.

Dr Mahathir menarik perhatian bahawa di Malaysia, harga minyak sawit didapati dalam dolar Amerika walaupun bagi pasaran tempatan sedangkan kosnya dalam ringgit yang mengalami kemerosotan.

"Kita tidak cemburu terhadap keuntungan yang diperolehi oleh para pengeksport berikutan kejatuhan ringgit, tetapi kita berpendapat pasaran tempatan tidak harus dibebankan dengan keuntungan tambahan yang akan diperolehi oleh pengeluar minyak sawit dengan menjualnya di pasaran domestik pada harga eksport," kata Dr Mahathir.

"Jika kita hendak Afta bermanfaat, kita perlu mengambil langkah bagi mengatasi kesan penurunan. Ia tidak mustahil untuk berbuat demikian. Ia

memerlukan tahap disiplin yang tinggi di kalangan rakyat kita," kata beliau.

Dr Mahathir berkata beliau bukannya menyokong dasar keserantau ekonomi Asean tetapi hakikatnya ialah "Kita mempunyai wang yang nilainya kurang sekarang dan oleh itu kita harus membeli dari sumber paling murah."

Perdana Menteri berkata tidak harus ada sekatan bagi pihak lain memasuki pasaran Asean bersama produk mereka tetapi jika harganya terlalu tinggi, kita tidak harus membeli daripada mereka.

Menurut Dr Mahathir, sebagai pilihan terakhir, Asean boleh menjalankan perdagangan tukar barang dalam usaha meningkatkan perdagangan "kerana kita tidak tahu bila tekanan ke atas mata wang kita akan berakhir."

Dr Mahathir berkata unsur-unsur pasaran menghendaki kita "membeli yang termurah dan terbaik" sambil berkata cadangannya bukan meniadakan elemen-elemen pasaran.

Perdana Menteri kemudian mencadangkan supaya sektor swasta Asean mengkaji secara serius idea itu.

"Mungkin kerajaan-kerajaan juga harus mengkajinya. Kita mungkin menolaknya sebagai idea yang terburu-buru tetapi apa salahnya mengkaji setiap kemungkinan bagi memulihkan ekonomi kita," kata beliau.

Dr Mahathir berkata sektor swasta harus sentiasa berhemat dan membuat keputusan yang tepat tetapi dalam perniagaan dan kewangan, selalunya ada cara lain untuk memperolehi keuntungan.

Menurut Perdana Menteri, negara-negara di rantau ini hilang kekayaan mereka kerana mereka tidak memahami apa yang berlaku di dunia yang lebih besar di luar.

"Selama tiga puluh tahun, kita telah membangunkan negara-negara kita mengikut cara lama. Kita percaya kepada usaha dan kerja keras. Kita mempercayai semangat kerjasama antara negara-negara di rantau dan antara rantau," kata beliau.

Perdana Menteri berkata melalui pengliberalan, kesejagatan dan unsur pasaran, maka semua harus mengikutinya.

"Kita terjebak kerana "serangan" berlaku tiba-tiba dan oleh itu kita harus membayar harga yang tinggi. Tetapi bagi harga yang kita bayar, kita sekurang-kurangnya harus memperolehi beberapa petunjuk tentang bagaimana untuk menguruskannya, jika tidakpun sepenuhnya," kata Dr Mahathir.

"Sebagai seorang doktor yang pernah mengamalkan profesion kedokteran, saya menghargai tentang perlunya memotong kaki yang dijangkiti kuman untuk menyelamatkan anggota tubuh yang lain. Yang kita lakukan ialah merawatnya dan kita akan melakukannya."

Dr Mahathir menambah kata bahawa Asean harus memberi jaminan semula kepada dunia bahawa "kita akan melakukan apa yang kita telah janjikan walau apapun implikasinya.

"Kami berharap bahawa lambat-laun, kita dapat mengembalikan keyakinan dan kekayaan akan melimpah semula," kata beliau.

Perdana Menteri berkata walaupun semua negara anggota Asean menghadapi kemelut ekonomi yang membantutkan pertumbuhannya, potensinya masih tidak berganjak.

"Kita masih menaruh harapan dapat mengejar apa yang telah dicapai oleh Barat," kata beliau.

Perdana Menteri berkata sistem dan peraturan dunia sejagat mungkin tidak memihak kepada Asean sekarang "tetapi kita akan belajar untuk menguruskannya dan siapa tahu, kita akan bangkit semula, mungkin lebih kuat daripada dahulu."

"Yang perlu dilakukan sekarang ialah membina kekuatan dalaman dan pertubuhan kita serta memperkukuhkan perpaduan. Selepas itu, barulah kita dapat menanganinya," tambah Dr Mahathir. -- BERNAMA

ES FAZ SIA

